

SIARAN MEDIA

MALAYSIA – KOREA BINCANG PERKUKUH KERJASAMA KEUSAHAWANAN DAN *START-UP* - RAMANAN

JEJU, 4 September – Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan hari ini mengadakan perjumpaan bilateral bersama Timbalan Menteri *Startups* dan Inovasi Republik Korea, T.Y.T. Jungwook Lim bagi membincangkan perkembangan Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama pembangunan keusahawanan antara Malaysia dan Korea.

Menurut Ramanan, MoU berkenaan telah mula dirunding sejak tahun 2019 dan dimuktamadkan pada April 2021, namun majlis menandatangani tertangguh ekoran pandemik COVID-19 serta perkembangan politik termasuk Pilihan Raya Umum di Malaysia ketika itu.

“Sejak itu, wakil kerajaan kedua-dua negara terus berusaha menghidupkan kembali rundingan melalui beberapa saluran rasmi termasuk komunikasi bersama Kementerian PMKS dan Start-up (MSS) Korea pada Jun 2024 serta Kedutaan Republik Korea pada April tahun ini,” katanya kepada pemberita.

Beliau menambah, Malaysia kini komited untuk memperkukuh hubungan rapat dengan pihak MSS bagi mencari peluang terbaik memuktamadkan MoU tersebut, sama ada melalui lawatan bilateral khusus atau semasa pertemuan peringkat menteri pada masa akan datang.

Selain itu, satu lagi opsyen sedang dipertimbangkan adalah menyelaraskan majlis menandatangani MoU ini dengan proses ratifikasi Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) Malaysia–Korea yang kini giat dirunding dan disasarkan selesai seawal hujung tahun ini.

“Malaysia melihat MoU ini sebagai satu inisiatif strategik dalam memperkukuh kerjasama antarabangsa untuk pembangunan PMKS dan *start-up*.

"Ia bukan sahaja menjadi platform perkongsian pengetahuan, malah membuka peluang lebih luas kepada usahawan kedua-dua negara untuk berinovasi, berkolaborasi dan menembusi pasaran global," jelas Ramanan.

Malaysia khususnya melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sentiasa memberikan keutamaan untuk memperkasakan lagi bidang keusahawanan. Justeru, lawatan ke Korea merupakan *engagement process* yang dapat mengukuhkan lagi misi tersebut, katanya.

Hadir sama dalam pertemuan tersebut, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud; Setiausaha Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa KUSKOP, Encik Mohamad Mahil bin Ahmad; Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, Encik Rizal bin Dato' Nainy serta pegawai-pegawai kanan kementerian.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
4 SEPTEMBER 2025